

28 JAN 2003

S'pura-Batu Puteh (Laporan Khas)/I

BATU PUTEH TUNGGU KEPUTUSAN MENGENAI KEDAULATAN

Oleh: Salbiah Said

SINGAPURA, 28 Jan (Bernama) -- Ia kecil, berbatu dan tidak berpenghuni. Tetapi Pulau Batu Puteh, yang terletak dalam wilayah Malaysia, menjadi punca pertikaian kawasan antara kedua-dua negara berjiran yang telah berpisah pada 1965.

Malaysia dan Singapura, yang mendakwa pulau kecil itu terletak dalam sempadan kawasan maritimnya, dijadual menandatangani perjanjian di Putrajaya pada 6 Feb untuk merujuk isu kedaulatan pulau itu ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) di The Hague.

Pulau Batu Puteh, yang Singapura gelar Pedra Branca, terletak hanya 7.7 batu nautika dari Tanjung Penyusop di Johor dan 25 batu nautika di timur pantai Singapura.

Singapura mendakwa ia telah menjalankan hak-hak kedaulatan ke atas pulau itu sejak 1840 manakala Malaysia pula menyatakan ia telah mendapat kedaulatan ke atas kawasan itu sejak awal abad ke-16.

Hubungan antara kedua-dua negara telah banyak diuji sejak Singapura berpisah dari Persekutuan Malaysia dan mencapai kemerdekaan pada 1965.

Kedua-dua negara menyatakan mereka bersedia untuk menerima keputusan ICJ. Tetapi Singapura terus menghalang kapal-kapal Malaysia daripada mendekati pulau itu, mengabaikan desakan agar ia menghentikan aktiviti sehingga keputusan dibuat.

Secara kebetulan, ketika perang mulut itu memuncak, sebuah kapal tentera laut Singapura, RSS Courageous, yang meronda selat di sekitar Pulau Batu Puteh pada malam 3 Jan, telah dilanggar sebuah kapal dagang, ANL Indonesia, menyebabkan empat anggota wanita terbunuh.

Kemudian pada 20 Jan, Menteri Pertahanan Tony Tan Keng Yam menuduh kapal-kapal Malaysia berulang kali mencerobohi perairannya. "Terdapat tiga pencerobohan oleh kapal Malaysia pada minggu terakhir Disember. Terdapat lima lagi pencerobohan minggu lepas."

"Dalam kejadian itu, kapal-kapal Malaysia menghampiri Pedra Branca dan melakukan pelbagai aktiviti," katanya dan menyatakan tentera laut Singapura akan mempertahankan kedaulatan negara itu.

"Tuan-tuan sekalian, Pedra Branca terletak dalam kawasan Singapura," kata Tan pada sesi Parlimen.

Pada 23 Jan, menteri itu mengingatkan Kuala Lumpur bahawa ia perlu menanggung akibatnya bagi sebarang "situasi tegang" yang timbul daripada peningkatan risiko "kejadian tidak diinginkan".

Pemimpin-pemimpin Malaysia membantah kenyataan Tan.

Ahad lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia tidak mengiktiraf pihak berkuasa Singapura di perairan berdekatan Pulau Batu Puteh dan akan terus meronda kawasan itu. Beliau berkata bagi pihak Malaysia, pemilikan pulau itu masih dalam pertikaian.

Sebelum itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak memberitahu Singapura agar berhenti daripada menggunakan ancaman dan menegaskan bahawa kapal-kapal tentera lautnya akan terus meronda di persekitaran perairan itu walaupun terdapat bantahan.

Abdullah berkata: "Ini bukan masanya untuk membuat kenyataan seumpama itu, kenyataan berbentuk ancaman atau ugutan."

Najib berkata kenyataan Tan itu amat "provokatif", tetapi menegaskan bahawa pendekatan Malaysia dalam pertikaian itu tidak bersifat agresif. "Kami mempunyai hak untuk terus meronda dan rondaan yang dilakukan oleh

Malaysia itu bukannya perkara baru tetapi telah dilakukan sejak 1964.

"Rondaan yang kita telah lakukan dan akan dilakukan tidak bersifat agresif, misalnya, kita tidak menunjukkan meriam, peluru berpandu atau radar kita," kata Najib.

Sejak itu, Singapura tidak berganjak daripada pendiriannya.

Pada 25 Jan, Menteri Luar Singapura S. Jayakumar mengulangi amarannya kepada Kuala Lumpur agar berhenti mencero bohi perairan Singapura berhampiran pulau itu.

"Tindakan provokatif seumpama itu bukan sahaja tidak masuk akal tetapi juga bahaya. Tidak masuk akal kerana kedua-dua pihak telah bersetuju merujuk pertikaian itu ke ICJ dan tindakan seumpama itu tidak akan memberikan kesan kepada keputusan ICJ.

"Bahaya kerana risiko kemalangan yang bukan sahaja mengorbankan nyawa tetapi juga mengakibatkan kerosakan teruk kapal-kapal tentera laut sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini," katanya di Parlimen.

Kerajaan Malaysia perlu memikul tanggungjawab bagi akibat daripada pencerobohan kapal-kapal secara agresif dan berulang," tegas beliau,

Singapura, tegasnya telah menjalankan kawalan eksklusif, pemilikan dan kedaulatan ke atas Pedra Branca sejak 1840-an tanpa sebarang bantahan daripada mana-mana negara sehingga Malaysia menerbitkan peta pada 1979 dan mendakwa ia sebahagian kawasannya.

Bolehkan sejarah membuktikan pemilik sebenar dan berdaulat ke atas pulau kecil yang dipanggil Pulau Batu Puteh atau Pedra Branca?

Ketua Pengarah Institut Maritim Malaysia, Dr B.A. Hamzah, berkata kesultanan Johor pada masa itu (kini Malaysia) telah melaksanakan bidang kuasa dan kedaulatan penuh ke atas Pulau Batu Puteh sejak 1513.

Kesultanan Johor-Riau-Lingga diasaskan sekitar 1513 oleh Sultan Mahmood yang meninggalkan Melaka setelah dikalahkan Portugis pada 1511, kata Dr Hamzah dalam artikel mengenai "The Spratlies: What Can Be Done To Enhance Confidence" yang diterbitkan oleh Institut Kajian Strategik Malaysia (ISIS) pada 1990.

Pada 1824, di bawah perjanjian Anglo-Belanda yang diadakan bagi menamatkan persengketaan berterusan antara Britain dan Belanda mengenai empayar Johor, satu garisan telah dilukis bagi membahagikan kawasan pengaruh masing-masing di kedua-dua belah kawasan Selat Melaka dan selatan Singapura, katanya.

"Garisan sempadan ini meletakkan Pulau Batu Puteh berada dalam kawasan pengaruh British dan juga dalam kawasan empayar Johor sekarang berikutan ia telah mendapatkan hak daripada segi undang-undang ke atas bekas empayar itu," katanya.

"Bagi Singapura untuk menuntut hak milik ke atas Pulau Batu Puteh, negara itu perlu membuktikan bahawa Pulau Batu Puteh telah diserahkan kepada Britain pada waktu yang relevan dalam sejarah dan bahawa Singapura mempunyai hak untuk mengambil alih hak-hak British itu," katanya.

Dr Hamzah berkata tidak terdapat sebarang dokumen sebagai bukti untuk mencadangkan bahawa Pulau Batu Puteh telah diserahkan kepada Britain oleh Sultan Johor pada 1918, 1927 atau pada bila-bila masa dalam sejarah.

"British hanya boleh pindahkan hak itu kepada Singapura yang mereka benar-benar miliki. British perlu mendapatkan kebenaran daripada beberapa pihak berkuasa dalam Kesultanan Johor (yang keadaan politiknya mengalami perubahan pada ketika itu) untuk membina rumah api di Pulau Batu Puteh."

Rumah api itu, katanya, dibuka secara rasminya pada 1851 dan British telah menduduki pulau itu dan mentadbir rumah api tersebut sejak itu.

Rumah api lain yang turut ditadbir oleh Britain yang terletak dalam kawasan Malaysia ialah di kawasan yang disewakan di Pulau Pisang, dekat Kukup di Selat Melaka.

"Tidak wujud sebarang keraguan mengenai persetujuan antara pihak

berkuasa Johor dan British iaitu membenarkan Britain membina dan mentadbir rumah api itu tetapi Kesultanan Johor tidak pernah berniat untuk menyerahkan kawasan berkenaan kepada Britain."

"Wujud kecenderungan untuk mengelirukan bidang kuasa pentadbiran dengan kedaulatan. Bagi tujuan-tujuan praktikal, Pulau Pisang dan Pulau Batu Puteh adalah milik Malaysia kecuali dibuktikan sebaliknya," kata Dr Hamzah.

Sementara itu, Malaysia dan Singapura akhirnya komited untuk menandatangani Perjanjian Khas untuk memulakan proses membawa pertikaian itu ke ICJ.

Wisma Putra telah membuat persediaan bagi tujuan itu lebih sedekad lamanya, Perundingan dua hala yang pertama telah diadakan pada 1993, dan kali kedua pada 1994. Kedua-dua perbincangan tidak berhasil. Pada 1995 dan 1996, rundingan telah diadakan untuk merujuk kes itu ke ICJ.

Pada April 1998, teks Perjanjian Khas telah dipersetujui. Bagaimanapun, kes Sipadan/Ligitan dibicarakan lebih dahulu, dan kes Pulau Batu Puteh terpinggir.

Sebaik sahaja Perjanjian Khas ditandatangani pada 6 Feb di Putrajaya, dan diserahkan ke ICJ, kes itu mungkin akan dibicarakan dalam tempoh tiga tahun.

-- BERNAMA

SS RHM